



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 17 APRIL 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	PBT MESTI TEGAS KEPADA PENTERNAK BABI, BH-ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
2.	SAM SOKONG TUTUP KANDANG BABI TIDAK PATUH SYARAT LESEN, SH-ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## PBT MESTI TEGAS KEPADA PENTERNAK BABI

Oleh Zuhainy Zulkiffli - April 17, 2022 @ 11:48am

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Sisa kumbahan babi yang didakwa dilepaskan terus ke sungai di Valdor, Sungai Bakap. - Foto SAM

**GEORGETOWN:** Sahabat Alam Malaysia (SAM) menggesa Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bertindak tegas terhadap penternak babi yang tidak mematuhi undang-undang.

Ini susulan pengumuman Kerajaan Pulau Pinang mengenai tindakan terhadap pengusaha ladang babi yang tidak mematuhi Enakmen Penternakan Babi 2016, sehingga menyebabkan pencemaran bau dan sumber air.

Presiden SAM, Meenakshi Raman, berkata bermula Januari lalu, kerajaan negeri akan menutup operasi dan merobohkan ladang yang tidak mematuhi syarat lesen.

"Langkah berkenaan paling berkesan bagi menyelesaikan masalah pencemaran alam sekitar dari ladang babi.

"Selain mencemar parit, sungai, laut serta persekitaran kawasan, operasi ladang babi yang melanggar peraturan menyebabkan kacau-ganggu kepada penduduk dan orang awam," katanya hari ini.

Terdahulu, EXCO Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar serta Kesihatan, Dr Norlela Ariffin, menerusi kenyataan pada 11 April lalu berkata, antara kriteria utama yang perlu dipatuhi pengusaha ladang ialah kandang mestilah tertutup dan mempunyai pengurusan sisa kumbahan ladang.

Namun, katanya, ramai pengusaha yang tidak ambil peduli tentang syarat itu.

Meenakshi berkata, tinjauan SAM mendapati sebilangan ladang ternakan babi tidak mengikut piawaian yang ditetapkan serta menyebabkan pencemaran.

"Ada dalam kalangan pengusaha ladang babi dengan sewenang-wenangnya melepaskan sisa kumbahan tidak terawat ke dalam saliran.

"Masalah sebegini jelas berlaku di Kampung Selamat, Gertak Sanggul, Valdor, Simpang Ampat dan Sungai Jawi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

## SAM SOKONG TUTUP KANDANG BABI TIDAK PATUH SYARAT LESEN

SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI | | 17 April 2022



Keadaan sungai yang tercemar disebabkan oleh pembuangan sisa dari kandang babi.

GEORGETOWN - Sahabat Alam Malaysia (SAM) menyokong dan menyambut baik tindakan kerajaan Pulau Pinang dalam ketegasan yang ditunjukkan terhadap pengusaha ladang babi yang tidak mematuhi Enakmen Penternakan Babi 2016 sehingga menyebabkan berlakunya pencemaran bau dan sumber air.

Presidennya, Meenakshi Raman berkata, pihaknya menyokong langkah-langkah yang diambil iaitu menutup operasi dan merobohkan ladang-ladang yang tidak mematuhi syarat-syarat lesen.

Menurutnya, langkah itu dilihat paling berkesan bagi menyelesaikan masalah pencemaran alam sekitar yang berpunca daripada ladang babi.

"Dilaporkan bahawa bermula Januari tahun ini, kerajaan negeri akan menutup operasi dan merobohkan ladang-ladang yang tidak mematuhi syarat-syarat lesen.

"Kita amat menyokong langkah ini kerana selain menyebabkan pencemaran parit; sungai, laut serta persekitaran kawasan, operasi ladang babi yang melanggar peraturan telah menyebabkan kacau ganggu pada penduduk dan orang awam," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Beliau berkata, kenyataan yang dikeluarkan Exco Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar serta Kesihatan, Dr Norlela Ariffin pada 11 April lalu tentang kebersihan sungai harus dipandang serius.

"Beliau mengatakan antara kriteria utama yang perlu dipatuhi oleh pengusaha ladang adalah kandang mestilah tertutup dan mempunyai pengurusan sisa kumbahan ladang.

"Beliau juga menyatakan ramai pengusaha yang tidak ambil peduli tentang syarat ini yang mana kita memerlukan sungai yang bersih sekiranya kita bergantung kepada sumber air," katanya.

Tambahnya, bagi SAM, perkara ini perlu diberikan perhatian serius oleh pihak berkuasa berkenaan kerana apa yang dinyatakan oleh Norlela adalah berasas.

"Ini kerana, berdasarkan hasil tinjauan SAM sebelum ini mendapati sebilangan operasi ladang ternakan babi sememangnya tidak mengikut piawaian serta syarat yang telah ditetapkan yang menyebabkan pencemaran," katanya.

Meenakshi berkata, terdapat dalam kalangan pengusaha ladang babi dengan sewenang-wenangnya melepaskan sisa kumbahan yang tidak terawat ke dalam saluran sedia ada sehingga mengeluarkan bau yang sangat tidak menyenangkan.

"Masalah seperti ini jelas berlaku di beberapa buah kawasan titik panas (hotspot) antaranya Kampung Selamat; Gertak Sanggul; Valdor, Simpang Ampat dan Sungai Jawi.

"Seperti satu kes yang tular baru-baru ini membabitkan pencemaran air dan bau busuk yang didakwa berpunca daripada ladang babi di Gertak Sanggul, yang mana pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) juga telah memberi maklum balas terhadap perkara ini. Pihak kementerian juga meminta pihak berkuasa negeri meneliti dan mengambil tindakan yang sewajarnya," katanya.

Tambahnya, SAM menggesa pihak berkuasa berkenaan antaranya Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV); Jabatan Alam Sekitar (JAS), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bertindak tegas terhadap penternak babi yang tidak mematuhi undang-undang.

Sebelum ini, Menteri Air dan Alam Sekitar, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man dilaporkan berkata, JAS telah melakukan siasatan dan mendapati punca pencemaran di Sungai Gertak Sanggul adalah disebabkan pelepasan air sisa daripada dua ladang ternakan babi di Mukim 8, Gertak Sanggul.